



24 Januari 2014
24 January 2014
P.U. (A) 27

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (PERSIMPANGAN BERTINGKAT BUKIT GAMBIR) 2014

FEDERAL ROADS (BUKIT GAMBIR INTERCHANGE) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (PERSIMPANGAN BERTINGKAT BUKIT GAMBIR)
2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Johor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 25 Januari 2014.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir yang merupakan sebahagian daripada Lebuhraya Utara Selatan, bermula di kilometer 156.612 di koordinat U 468157.690, T 1133224.234 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 158.051 di koordinat U 469395.825, T 1132492.661 Grid RSO (GDM 2000) Lebuhraya Utara Selatan (kedua-dua jarak diukur dari kilometer 0.0 Lebuhraya Utara Selatan di Persimpangan Bertingkat Johor Bahru) termasuklah Plaza Tol Masuk/Keluar Bukit Gambir dan jalan sambungannya dan berakhir di koordinat U 467970.217, T 1132572.615 Grid RSO (GDM 2000), diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL
[subperenggan 2(2)]

PETA PERSIMPANGAN BERTINGKAT BUKIT GAMBIR

